

Gerakan Belum Bincang Pertukaran Kerusi Untuk PRU Ke-13
Bernama
15 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata setakat ini, parti itu tidak berbincang mengenai pertukaran kerusi dengan parti komponen BN lain bagi pilihan raya umum ke-13.

"Kita belum bincang secara rasmi (mengenai pertukaran kerusi) walaupun terdapat idea (ke arah itu)," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan forum Tanggungjawab Sosial Komuniti bagi Kuala Lumpur anjuran Gerakan, di Kompleks Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sri Delima di Kepong dekat sini hari ini.

Secara prinsipnya dalam BN, Dr Koh berkata kerusi yang diperuntukkan kepada sesebuah parti komponen itu pada pilihan raya yang lalu, akan kekal menjadi milik mereka untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

"Dalam keadaan tertentu...pertukaran kerusi, perlu ada saling persefahaman dan bukan satu pihak sahaja," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata pada masa ini, pemimpin dan anggota Gerakan akan "membuat kerja-kerja" bagi menguatkan parti itu dan BN.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640183>